

**MENGENAL FAKTOR-FAKTOR PEMILIHAN PENGANGKUTAN
PERSENDIRIAN DALAM KALANGAN PELAJAR DI
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

10DLS13F2001	RIZWANAH BINTI GULAM MOHAYATHIN
10DLS13F2007	NUR SARAH SOFIA BINTI AZMAN
10DLS13F2023	NUR DIYANA MIOR TALIB
10DLS13F2049	NUR ARINA BINTI NOOR APANDI
10DLS13F2057	MOHAMAD KHAIRUL ANUWAR BIN ABU BAKAR
10DLS13F2081	MUHAMMAD HAZIQ BIN KHAIRUDDIN

**LAPORAN INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI
SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT MEMPEROLEH
DIPLOMA LOGISTIK DAN RANGKAIAN BEKALAN**

**JABATAN PERDAGANGAN
POLITEKNIK SEBERANG PERAI**

JUN 2016

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK

Laporan projek bertajuk “Mengkaji Faktor-Faktor Pemilihan Pengangkutan Persendirian Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik Seberang Perai” ini telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan projek seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama penyelia : Cik Noor Dasreena Shukria Binti Abdul Shukur

Tandatangan penyelia



Tarikh

:

Disahkan oleh:







Nama pensyarah kursus : Puan Isratun Binti Idris

Tandatangan penyelia :

Tarikh :

PENGAKUAN

Saya akui karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

- 1) Tandatangan : 
Nama : Rizwanah Binti Gulam Mohayathin
No. Pendaftaran : 10DLS13F2001
Tarikh :
- 2) Tandatangan : 
Nama : Nur Sarah Sofia Binti Azman
No. Pendaftaran : 10DLS13F2007
Tarikh :
- 3) Tandatangan : 
Nama : Nur Diyana Mior Talib
No. Pendaftaran : 10DLS13F2023
Tarikh :
- 4) Tandatangan : 
Nama : Nur Arina Binti Noor Apandi
No. Pendaftaran : 10DLS13F2049
Tarikh :
- 5) Tandatangan : 
Nama : Mohamad Khairul Anuwar Bin Abu Bakar
No. Pendaftaran : 10DLS13F2057
Tarikh :
- 6) Tandatangan : 
Nama : Muhammad Haziq Bin Khairuddin
No. Pendaftaran : 10DLS13F2081
Tarikh :

PENGHARGAAN

Pertama sekali, syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah dan kurniaan-Nya laporan projek untuk Penyelidikan Perniagaan (Business Research) ini dapat disempurnakan. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Isratun dan juga cik Dasreena sebagai pensyarah dan penyelia yang telah banyak memberi tunjuk ajar, sokongan, dorongan dan bantuan dalam menyiapkan laporan ini. Tidak lupa juga pada ibu bapa, dan rakan-rakan seperjuangan dalam memberi kerjasama untuk menyiapkan laporan ini.

Ucapan terima kasih juga kepada Pengarah, pensyarah-pensyarah serta pelajar-pelajar Politeknik Seberang Perai dan beberapa pihak lain yang telah sudi meluangkan masa memberikan bantuan dan kerjasama dari segi maklumat dan pengetahuan bagi menambahkan pemahaman penulis terhadap tajuk yang dikaji.

Akhir kata, terima kasih sekali lagi diucapkan atas segalanya, tanpa kehadiran dan sokongan daripada semua pihak yang di atas tidak mungkin laporan ini dapat dihasilkan. Semoga kita semua berada di dalam lindunganNya.

ABSTRAK

Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji faktor-faktor pemilihan pengangkutan persendirian dalam kalangan pelajar. Kajian ini dibuat untuk mengenalpasti masalah dan faktor pemilihan yang dihadapi oleh pelajar semasa menggunakan pengangkutan persendirian ini. Kajian yang dibuat secara rawak yang melibatkan 100 orang yang dipilih daripada keseluruhan responden yang terdiri daripada pelajar Politeknik Seberang Perai. Sumber rujukan yang digunakan adalah daripada sumber premier dan sumber sekunder. Kajian ini menggunakan metodologi dengan menggunakan soal selidik dan tinjauan bagi memperoleh dapatan daripada Statistical Package Of The Social Science (SPSS). Hasil kajian yang dibuat didapati ketiga-tiga faktor adalah tentang faktor-faktor pemilihan pengguna yang menggunakan pengangkutan persendirian ini. Faktor-faktor yang ditekankan adalah mengenai faktor keselamatan apabila menggunakan perkhidmatan pengangkutan persendirian ini. Faktor yang seterusnya adalah mengenai faktor harga yang dikenakan dan faktor yang terakhir adalah faktor masa yang digunakan. Diharap kepuasan kajian yang diperolehi dapat memudahkan pihak-pihak tertentu untuk pengkaji di masa akan datang.

ABSTRACT

The purpose of this research conducted is to study the factors influenced student choose personal transport in students. Three main Factors that influenced students choose personal transport are pricing factors, safety and time. This research is done randomly and it involve 100 students from the total respondent which are consist of the students of Politeknik Seberang Perai. The source of reference that are used are from primary and secondary data. Methodology used in this research is questionnaire to get results from Statistical Package Of The Social Science (SPSS). The result of the research shows that the three factors are about the level of users satisfactory that use private transport. The factors that highlighted are about the factors of safeness when using private transport. Next, is the factors of pricing that they have to pay and the last factor are the factors of time that are used. We do hope this research would make it easier for others in the future.

KANDUNGAN		Halaman
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK		ii
PENGAKUAN		iii
PENGHARGAAN		iv
ABSTRAK		v
ABSTRACT		vi
KANDUNGAN		vii
SENARAI JADUAL		x
SENARAI RAJAH		xi
BAB I		
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Latar belakang masalah	2
1.2	Pernyataan Masalah	5
1.3	Objektif Kajian	7
1.4	Persoalan kajian	7
1.5	Skop Kajian	8
1.6	Kepentingan kajian	8
	1.6.1 Pelajar	9
	1.6.2 Bakal-bakal pelajar yang ingin Menggunakan perkhidmatan pengangkutan persendirian	9
	1.6.3 Penyelidik akan datang	10
1.7	Definisi operasional	10
	1.7.1 Kepuasan	11
	1.7.2 Pengangkutan Persendirian	11
	1.7.3 Keselamatan	12
	1.7.4 Harga	12
	1.7.5 Masa	13
1.8	Limitasi kajian	13
	1.8.1 Tempat	13

	1.8.2 Masa	13
	1.8.3 Responden	14
	1.8.4 Kerjasama	14
BAB II	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	14
2.2	Faktor Harga	16
2.3	Faktor Masa	17
2.4	Faktor Keselamatan	19
2.5	Kesimpulan	21
BAB III	METODOLOGI	
3.1	Pendahuluan	24
3.2	Reka Bentuk Kajian	25
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	25
3.4	Populasi dan Sampel	26
3.5	Instrumen Kajian	27
	3.5.1 Borang Soal Selidik	28
	3.5.1.1 Bahagian A	28
	3.5.1.2 Bahagian B	29
3.6	Kaedah Penganalisis Data	30
	3.6.1 Analisis kajian rintis (SPSS)	31
	3.6.2 Analisa kekerapan	31
	3.6.3 Analisa Min	32
3.7	Kesimpulan	32
BAB IV	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	33
4.2	Analisis Data	34
	4.2.1 Data Analisis Ujian KebolehPercayaan	34
	4.2.2 Analisis KebolehPercayaan	36
4.3	Dapatan Kes	37

SENARAI JADUAL

Table No.		Halaman
3.5.1.2	Skala likert	30
4.2.1.1	Jadual Analisis Kebolehpercayaan Data bagi Kajian Rintis	36
4.3.2.2	Tafsiran Min Skor	42
4.1	Analisis soalan berkaitan faktor Harga	43
4.2	Analisis soalan berkaitan faktor Keselamatan	46
4.3	Analisis soalan berkaitan faktor Masa	49

	4.3.1 Bahagian A : Latar Belakang Responden	37
	4.3.2 Bahagian B : Mengkaji Faktor-Faktor Pemilihan Pengangkutan Persendirian Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik Seberang Perai	42
BAB V	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	
5.1	Pendahuluan	53
5.2	Perbincangan	54
	5.2.1 Perbincangan Berkaitan Faktor Harga	55
	5.2.2 Perbincangan Berkaitan Faktor Keselamatan	56
	5.2.3 Perbincangan Berkaitan Faktor Masa	57
5.3	Implikasi Kajian	58
5.4	Cadangan	59
	5.4.1 Cadangan Pelajar	60
	5.4.2 Cadangan Bakal-bakal Pelajar Yang Ingin Menggunakan Pengangkutan Persendirian	60
	5.4.3 Cadangan Penyelidik Akan Datang	60
5.5	Kesimpulan	61
	LAMPIRAN	
	BIBLIOGRAFI	

SENARAI RAJAH

No.Rajah		Halaman
4.3.2.1	Formula Pengiraan Min Skor Putara	42
4.3.1.1	Kaji Selidik tentang Faktor-Faktor Pemilihan Pengangkutan Persendirian Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik Seberang Perai berdasarkan Jantina	37
4.3.1.2	Kaji Selidik tentang Faktor-Faktor Pemilihan Pengangkutan Persendirian Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik Seberang Perai berdasarkan Semester	38
4.3.1.3	Kaji Selidik tentang Faktor-Faktor Pemilihan Pengangkutan Persendirian Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik Seberang Perai berdasarkan Jabatan	39
4.3.1.4	Kaji Selidik tentang Faktor-Faktor Pemilihan Pengangkutan Persendirian Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik Seberang Perai berdasarkan Kekerapan Penggunaan	40
4.3.1.5	Kaji Selidik tentang Faktor-Faktor Pemilihan Pengangkutan Persendirian Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik Seberang Perai berdasarkan Memiliki Kenderaan Sendiri	41

BAB 1

PENGENALAN

1.0 PENDAHULUAN

Sains dan teknologi bermula sejak dahulu lagi bertepatan dengan revolusi perindustrian yang bermula pada abad ke 19. Pada abad ini negara ASEAN telah diiktiraf sebagai negara yang sedang pesat membangun. Ketika revolusi perindustrian sedang meningkat, telah muncul satu teknologi yang berasaskan terusan suez yang menghubungkan lautan Atlantik dan Lautan Pasifik dimana terusan ini telah berjaya memendekkan jarak dari Eropah ke Asia dengan menggunakan jalan laut melalui kapal-kapal layar yang belayar untuk menuju ke destinasi yang hendak dituju. Allah SWT berfirman :

رَبُّكُمْ الَّذِي يُزْجِي لَكُمْ الْفُلْكَ فِي الْبَحْرِ لِتَبْتَغُوا مِنْ فَضْلِهِ
إِنَّهُ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٦٦﴾

Maksudnya : “ Tuhan kamulah Yang menjalankan untuk kamu kapal-kapal di laut, supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurniaNya; Sesungguhnya ia adalah Maha Mengasihani kepada kamu.”

(Al-Israa` ; 66)

Berdasarkan ayat di atas menunjukkan pengangkutan memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat manusia sejak zaman berzaman lagi untuk tujuan mencari rezeki, mengangkut barang dan juga untuk pergerakan manusia dari satu destinasi ke destinasi yang lain.

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Sistem pengangkutan adalah nadi kepada pembangunan sesebuah negara. Ia merupakan salah satu cara sistem perhubungan yang terpenting yang dipraktikkan sejak dahulu lagi bagi mencapai sesuatu maksud tertentu. Kajian demi kajian dilakukan oleh pengkaji bagi menghasil dan menambah baik sistem pengangkutan supaya pengguna mendapat keselesaan. Kemajuan sistem pengangkutan bergerak seiring dengan pembangunan sesebuah negara. Kemajuan dan pemodenan sesebuah negara boleh dilihat berdasarkan kepada sistem pengangkutan negara tersebut sama ada pengangkutan darat, udara dan laut.

Perkembangan dunia pada masa kini telah banyak berubah dari pelbagai aspek pembangunan, tidak terkecuali sistem pengangkutan. Pertumbuhan pembangunan begitu cepat sekali menyebabkan peningkatan taraf hidup, budaya dan sosial di kalangan penduduk setempat. Peningkatan pertumbuhan kenderaan yang mendadak menyebabkan pelbagai cabaran yang perlu ditempuh oleh setiap pemerintah negara termasuklah negara kita, Malaysia. Di semenanjung negara kita, kepentingan sistem pengangkutan lebih tertumpu kepada sistem pengangkutan darat. Kepentingan ini dapat dilihat dengan bertambahnya kenderaan dan pembinaan jaringan jalanraya bagi pengangkutan darat, terdapat dua jenis iaitu pengangkutan beroda dan rel. pengangkutan beroda adalah seperti kereta, lori, bas dan motosikal. Manakala, pengangkutan jenis rel seperti kereta api, LRT (Light Rail Transit) dan monorel. Pengangkutan beroda terbahagi kepada pengangkutan

persendirian dan pengangkutan awam. Pengangkutan persendirian atau kenderaan persendirian terdiri dari kenderaan milik yang dikendalikan oleh orang perseorangan untuk kegunaan persendirian dengan menggunakan jalan awam. Contoh kenderaan persendirian ialah kereta persendirian, motosikal, dan basikal. Pemilik kenderaan persendirian adalah berkait rapat dengan peningkatan taraf hidup penduduk. Menurut Tan Sri Syed Hamid Albar, (2016) walaupun SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam) menggalakkan apa-apa penambahbaikan terutama sistem pengangkutan awam yang sedia ada, perkhidmatan pengangkutan awam yang terkini tidak terkecuali dari mematuhi undang undang negara dan ia juga adalah perkhidmatan teksi atas talian seperti 'Uber dan GrabCar'. Justeru, rata- rata masyarakat Malaysia yang berkemampuan untuk mencari perkhidmatan teksi berpuas hati tentang kualiti perkhidmatan yang ditawarkan oleh aplikasi atas talian bagi golongan masyarakat yang pertengahan kebanyakannya akan setuju dengan penggunaan teksi di negara kita. Walhal, bagi golongan bawahan dan sedikit pertengahan lebih tertumpu kepada perkhidmatan seperti bas dan tren bagi yang kerap menggunakan pengangkutan awam, bas dan tren adalah pilihan utama mereka. Ia merujuk kenderaan perkhidmatan yang digunakan untuk mengangkut penumpang yang membayar sejumlah nilai tertentu sebagai pertimbangan untuk pembayaran.

Seterusnya, cabaran kepada sistem pengangkutan adalah berdasarkan kepada masalah yang timbul seperti keselamatan, harga, kemalangan, masa, pengangkutan awam, kesesakkan pencemaran alam sekitar, pejalan kaki, tempat letak kenderaan dan sebagainya. Menurut Presiden Persatuan Pengusaha Teksi Wilayah Persekutuan dan Selangor, Datuk Aslah Abdullah berkata, "Perkhidmatan tanpa permit iaitu 'Uber atau GrabCar' ini perlu dihentikan kerana tidak memberi jaminan keselamatan kepada orang awam sekiranya berlaku kemalangan lebih-lebih lagi jika melibatkan kematian."Malah, "Pemandu teksi yang sah akan memastikan aspek keselamatan penumpang berada di tahap optimum."Namun, bagaimana kita mahu jamin

penumpang selamat jika perkhidmatan tanpa permit ini tidak perlu melalui pemeriksaan dan mendapat pengesahan daripada Puspakom," katanya. "Lebih teruk lagi ada antara pemandu GrabCar ini adalah pemandu teksi yang telah ditarik lesen dan permit memandu teksi atas kesalahan jalan raya dan jenayah. Jadi ia jelas membahayakan keselamatan". Walau bagaimanapun, SPAD sebelum ini menyatakan walaupun aplikasi Uber dan GrabCar tidak menyalahi undang-undang, namun kesalahan berlaku apabila pemandunya tidak mempunyai lesen Perkhidmatan Pengangkutan Awam. (Sinar Online, 2015).

Di antara penyelesaian yang telah diambil oleh pihak kerajaan adalah mempertingkatkan pengangkutan awam terutama di bandar. Di samping itu, perkhidmatan bas dan teksi mula dipertingkatkan dan pengangkutan awam mula berubah wajah. Bas dan teksi yang berkualiti tinggi mula digunakan dan pengguna kenderaan persendirian mula beralih kepada perkhidmatan awam. Hasrat kerajaan iaitu mahu golongan berpendapatan rendah yang menggunakan kenderaan pengangkutan awam dan golongan pertengahan serta tinggi yang menggunakan masalah sistem pengangkutan. Pelbagai cara dan kempen yang telah diambil oleh pihak kerajaan untuk menggalakan peralihan pengguna kenderaan persendirian kepada penggunaan kenderaan awam. Namun apa yang dapat diperhatikan sambutan masih lagi tidak menggalakkan dan pengguna masih lagi gemar menggunakan persendirian. Menurut SPAD (Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat) (2016) "apa-apa pengangkutan awam jikalau memastikan keselesaan pengguna dan mematuhi undang-undang, mereka bersetuju berkenaan harga, bila kualiti pengangkutan awam tinggi maka hipotesis mudahnya harga turut tinggi". Oleh sebab itu, kajian perlu dilakukan secara berterusan bagi mengkaji tahap kepuasan penggunaan pengangkutan persendirian berbanding perkhidmatan awam yang telah disediakan.

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Pemilihan mod pengangkutan yang dipilih oleh pelajar dipengaruhi masa perjalanan ke destinasi yang dituju. Pelajar memerlukan mod pengangkutan yang sedia ada dan mod pengangkutan yang mengutamakan keselesaan. Dengan adanya permintaan mod pengangkutan yang keselesaan dalam perjalanan perlu dititik beratkan melalui penyediaan kereta yang memenuhi kriteria keselesaan. Tetapi pihak pengangkutan persendirian belum mengetahui bagaimana mengatur ruang penumpang yang selesa.

Menurut Ibrahim Wahab (1988) didalam buku Pengangkutan dan Struktur Bandar mengatakan perbandingan masa perjalanan diantara pengangkutan awam dengan pengangkutan persendirian memerlukan pemilihan jenis pengangkutan. Selain itu, pemilihan pengangkutan persendirian oleh pelajar adalah faktor tambang yang dikenakan oleh pihak pengangkutan persendirian dan juga keadaan fizikal kenderaan tersebut. Dalam kajian ini, yang menjadi persoalan kajian iaitu pengaruh faktor pemilihan dari segi keselamatan, harga dan masa terhadap persepsi penggunaan perkhidmatan pengangkutan persendirian dalam kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai.

Menurut pelajar, Diyana Jafri (2016) dari Jababatan Perdagangan, Politeknik Seberang Perai menyatakan pengguna Politeknik Seberang Perai lebih berminat menggunakan kenderaan persendirian berbanding perkhidmatan awam. Timbul persoalan, mengapa pengguna Politeknik Seberang Perai lebih gemar memilih mod kenderaan persendirian berbanding mod pengangkutan awam? Pelbagai masalah telah timbul ekoran daripada pemilihan mod pengangkutan persendirian antaranya ialah ketidakpuasan hati antara pihak teksi berdaftar dengan pihak pengangkutan persendirian atau dikenali sebagai "prebet sapu".

Antara faktor pemilihan pelajar Politeknik Seberang Perai dalam memilih mod pengangkutan persendirian adalah dari segi masa. Masa memainkan peranan penting kepada pelajar kerana pelajar sentiasa mengejar masa dalam setiap urusan. Bagi mereka mod pengangkutan persendirian sentiasa cepat dan sentiasa ada apabila diperlukan. Ini kerana pelajar hanya perlu menghubungi pihak pengangkutan persendirian atau lebih dikenali sebagai “prebet sapu” untuk mendapatkan perkhidmatan mereka. Perkhidmatan pengangkutan persendirian ini lebih mudah didapati disekitar institusi pengajian kerana kebanyakan orang yang memiliki pengangkutan persendirian ini adalah kakitangan institusi itu sendiri dan itu memainkan peranan penting untuk pelajar lebih memilih pengangkutan persendirian atas faktor dapat menjimatkan masa.

Pelajar lebih memilih mod pengangkutan persendirian walaupun faktor keselamatannya diragui kerana mereka mungkin bukan individu terlatih disamping tidak mempunyai kebenaran sebagai pengangkutan awam seperti teksi. Petikan dari Utasan Online (2013), masyarakat harus sedar tindakan mereka bukan sahaja memberi kesan kepada pemandu teksi berdaftar tetapi juga menyusahkan diri sendiri dari aspek keselamatan kerana kebanyakan teksi haram tidak dilindungi insurans dan berdaftar. Tetapi pelajar tidak memikirkan soal keselamatan berdaftar atau tidak. Yang diinginkan hanyalah tambang yang murah dan ada setiap kali ingin kemana-mana. Oleh itu, kajian ini dilakukan bagi melihat kecenderungan jenis pemilihan mod pengangkutan oleh pengguna Politeknik Seberang Perai dan faktor pemilihan tersebut.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengkaji faktor pemilihan keselamatan pengangkutan persendirian di kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai.
- ii. Mengkaji faktor pemilihan harga pengangkutan persendirian di kalangan pelajar Politeknik Seberang Perai.
- iii. Mengkaji faktor pemilihan masa pengangkutan persendirian di kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian, persoalan yang dikaji adalah berikut :

- i. Apakah keselamatan faktor pemilihan pengangkutan persendirian di kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai?
- ii. Apakah faktor pemilihan harga pengangkutan persendirian di kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai?
- iii. Apakah faktor pemilihan masa pengangkutan persendirian di kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai?

1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu kepada pelajar-pelajar Politeknik Seberang Perai mengenai pemilihan pengangkutan persendirian. Menurut Encik Akmal (2016), Pengawai Data dan Rekod di Politeknik Seberang Perai, terdapat pengangkutan yang berdaftar 3382 iaitu di mana bilangan kereta adalah sebanyak 1587. Oleh itu, kajian ini dilakukan mengikut anggaran kadar jarak dan lokasi. Bagi anggaran jarak dan lokasi sesebuah pengangkutan persendirian yang diambil dari Politeknik ke Butterworth adalah sekitar 9 kilometer. Berdasarkan jarak dan lokasi yang diambil tidaklah semurah pengangkutan awam. Seperti pengangkutan persendirian tambang untuk sebuah kenderaan untuk satu perjalanan ialah RM15 seorang, Manakala bagi pengangkutan awam adalah sebanyak RM 2.00 dalam satu perjalanan. Oleh kerana itu, dalam kajian ini ianya merupakan satu populasi yang besar, maka seramai 100 pelajar telah dipilih secara rawak mudah untuk menjadi sampel dalam kajian ini. Dalam menjalankan pengedaran soalan-soalan kajian kepada responden, selama dua minggu masa diambil bagi meneliti dan menganalisa data-data yang diperolehi semasa proses soal selidik dijalankan.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Perkembangan sistem pengangkutan sekarang adalah sangat pesat dan kesannya menyebabkan ketidakselesaan kepada pengguna jalan raya dan penduduk.

Kajian ini adalah untuk menilai kecenderungan pemilihan pengangkutan persendirian kepada kesan sistem pengangkutan dan lalu lintas bagi memastikan keselesaan pengguna berterusan. Kajian ini juga berupaya mengenalpasti cadangan untuk mengatasi dan mengurangkan kesan tersebut. Adalah diharapkan agar hasil kajian ini dapat dijadikan panduan untuk kajian seterusnya atau untuk pihak bertanggungjawab bagi mengambil tindakan membaiki perkhidmatan pengangkutan persendirian bagi mengatasi masalah yang timbul.

1.6.1 PELAJAR

Kepentingan kajian ini dalam kalangan pelajar di Politeknik Seberang Perai adalah untuk mengenalpasti masalah mereka dari segi pemilihan pengangkutan persendirian untuk bergerak ke tempat yang diinginkan. Oleh itu, dengan hasil kajian ini dapat dititikberatkan lagi jika pihak yang menyediakan pengangkutan persendirian ini dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelajar yang kurang berpuas hati dengan perkhidmatan pengangkutan persendirian yang disediakan di Politeknik Seberang Perai.

1.6.2 BAKAL-BAKAL PELAJAR YANG INGIN MENGGUNAKAN PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN PERSENDIRIAN

Kepentingan kajian ini kepada pelajar-pelajar yang mempunyai niat untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan persendirian pada masa hadapan supaya dapat membantu mereka dalam membuat pilihan yang tepat ke atas perkhidmatan pengangkutan persendirian yang disediakan dari segi harga dan tahap perkhidmatan. Selain itu, ia juga dapat membantu bakal-bakal pelajar untuk meningkatkan tahap kefahaman mereka tentang perkhidmatan pengangkutan persendirian ini. Hasil kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada bakal pelajar tentang perkara yang perlu diambil kira sebelum menggunakan perkhidmatan pengangkutan persendirian seperti faktor keselamatan.

1.6.3 PENYELIDIK AKAN DATANG

Kajian ini juga penting kepada pengkaji-pengkaji akan datang yang ingin membuat kajian tentang pemilihan pengangkutan persendirian. Pengkaji-pengkaji akan datang dapat memperolehi maklumat-maklumat penting yang terdapat dalam kajian ini. Selain itu, pengkaji-pengkaji akan datang juga boleh menjadikan kajian ini sebagai rujukan sepanjang mereka menjalankan kajian mereka.

Berdasarkan keterangan di atas, jelaslah kajian ini wajar dijalankan kerana ia bakal mendatangkan banyak manfaat dan faedah bukan sahaja kepada satu pihak yang khusus. Kesemua pihak yang dinyatakan di atas perlu membuat perubahan di samping menambahkan ilmu pengetahuan tentang isu yang telah melanda dalam kalangan masyarakat kita hari ini. Dengan kajian yang dijalankan ini, diharapkan kepuasan pengguna terhadap pemilihan pengangkutan persendirian dapat dipertingkatkan lagi dengan adanya pihak yang bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan ini.

1.7 DEFINISI OPERASIONAL

Tujuan definisi operasional ini adalah bagi menerangkan dengan jelas konsep istilah yang digunakan dalam kajian.

“Mengkaji Faktor-faktor Pemilihan Pengangkutan Persendirian Dalam Kalangan Pelajar Di Politeknik Seberang Perai”

1.7.1 PENGANGKUTANPERSENDIRIAN

Sistem pengangkutan bermotor yang mampu membawa penumpang dalam bilangan yang banyak ataupun melebihi dua penumpang secara peribadi. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Mengikut konteks kajian, pengangkutan persendirian merujuk kepada pengangkutan yang digunakan bagi menjalankan perkhidmatan ini.

1.7.2 KESELAMATAN

Perihal selamat, kesejahteraan, keamanan: saya memang selalu menjaga~ seseorang yang berkerabat dengan saya; ~ dlm negeri; (Kamus Dewan Edisi Keempat). Mengikut konteks kajian, keselamatan merujuk kepada keadaan pengguna yang selamat apabila menggunakan perkhidmatan ini.

1.7.3 KESELAMATAN

Perihal selamat, kesejahteraan, keamanan: saya memang selalu menjaga seseorang yang berkerabat dengan saya; ~ dalam negeri; (Kamus Dewan Edisi Keempat). Mengikut konteks kajian, keselamatan merujuk kepada keadaan pengguna yang selamat apabila menggunakan perkhidmatan ini.

1.7.4 HARGA

Nilai sesuatu barang dgn (kiraan) wang: kalau adapun barang itu ~nya mahal; letak ~ bp a) menetapkan harga. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Mengikut konteks kajian, harga adalah nilai tambang yang dikenakan terhadap pelanggan mengikut kadar jarak dan lokasi.

1.7.5 MASA

Sebarang masa ; masa atau waktu yang tidak ditentukan. (Kamus Dewan Edisi Keempat). Mengikut konteks kajian, masa adalah tempoh masa yang diambil oleh pemandu dalam menghantar ataupun mengambil pelanggan.

1.8 LIMITASI KAJIAN

1.8.1 TEMPAT

Kajian ini tertumpu di sekitar kawasan Politeknik Seberang Perai di mana ia tertumpu di seluruh kawasan Politeknik Seberang Perai.

1.8.2 MASA

Masa yang diambil untuk menyiapkan kajian adalah terhad. Kajian ini bermula dari 27 Julai hingga awal bulan Oktober 2016, dimana kajian ini dijalankan setelah pemilihan tajuk ini dilakukan.

1.8.3 RESPONDEN

Bilangan responden dapatan kajian ini adalah sebanyak 100 orang responden yang dimana terdiri daripada pelajar Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang.

1.8.4 KERJASAMA

Harapan daripada dapatan kajian ini adalah supaya semasa responden yang terlibat dapat memberi kerjasama yang baik dalam kajian yang telah dijalankan. Kerjasama antara ahli kumpulan juga memainkan watak penting sepanjang proses kajian ini dilakukan.

BAB 2

SOROTAN KARYA

2.1 PENGENALAN

Sorotan karya ini membincangkan mengenai perkara yang berkaitan dengan karya yang dijalankan oleh pengkaji berdasarkan faktor yang terkandung dalam objektif kajian yang telah dinyatakan dalam bab yang sebelumnya. Hal ini demikian, ia diberikan penekanan terhadap jenis pengangkutan iaitu pengangkutan persendirian. Memandangkan, penggunaan pengangkutan persendirian lebih banyak permintaan dalam kalangan pelajar berbanding pengangkutan awam biasa disebabkan beberapa faktor yang dibincangkan dalam sorotan kajian ini berkaitan dengan faktor harga, keselamatan dan masa. Justeru, sorotan penulisan ini diambil daripada rujukan tertentu berhubung dengan setiap aspek yang berkaitan dengan tajuk adalah berdasarkan artikel, surat khabar, medial sosial dan laman sesawang.

Menurut Ibrahim Wahab (1988), di dalam buku Pengangkutan dan Struktur Bandar yang menyatakan sistem pengangkutan ini dianggap sebagai satu daripada faktor pendorong yang utama di dalam pembangunan, terutama kepada negara yang sedang membangun.

Berhubung dengan itu, jika pengangkutan di sesuatu kawasan itu baik, murah, tepat pada waktunya, senang diperolehi dan terletak di lokasi yang strategik ianya akan mewujudkan permintaan yang berlebihan. Seterusnya, menurut Ibrahim Wahab (1988) dalam hak milik kenderaan. Ia menyatakan kadar luaran perjalanan lebih rendah jika sesebuah keluarga yang mempunyai kereta atau pun kenderaan persendirian.

Malah, ia juga melibatkan pengurangan penggunaan pengangkutan awam. Oleh itu, sistem pengangkutan yang efisien diperlukan untuk pengangkutan bagi penumpang yang saling berkait dengan tiap-tiap aktiviti di dalam sesuatu kawasan seperti bandar seperti tempat belajar, tempat tinggal, tempat bekerja, tempat beli-belah dan memerlukan tempat beristirahat.

2.2 FAKTOR HARGA

Faktor harga merupakan salah satu faktor yang terpenting untuk setiap individu. Pada masa kini, kos hidup yang semakin meningkat terutama barangan keperluan juga turut memberi impak yang besar dalam kehidupan seharian mereka. 'Paling ketara nampak mahal ialah barangan keperluan asas'. Luahan penemu ramah Norhaspida Yati, Yatim (2014).

Kenderaan juga merupakan salah satu keperluan asas yang amat diperlukan untuk memudahkan setiap individu bergerak ke destinasi yang ingin dituju. Sesetengah individu gemar untuk menggunakan pengangkutan awam (teksi) kerana dapat mengelakkan diri daripada kesesakan lalu lintas dan menjimatkan masa, akan tetapi harga ataupun tambang pengangkutan awam (teksi) kini memnjadi salah satu faktor halangan iaitu semakin lama semakin meningkat

Sehubungan dengan itu, pengangkutan persendirian telah mendapat sokongan yang padu daripada ramai pengguna untuk mengurangkan kos hidup seharian mereka dengan memilih salah satu cara iaitu menggunakan pengangkutan persendirian seperti Grabcar dan juga Uber yang terkini pada masa ini kerana harganya lebih murah berbanding pengangkutan awam (teksi). Muhd (2012)

'Pengguna lebih gemar mendapatkan khidmat pengangkutan persendirian berbanding teksi berlesen kerana tambang yang dikenakan lebih murah serta terdapat di merata tempat' Arkib (2013) dan 'tidak kisah naik teksi atau kereta sapu asalkan dapat sampai ke destinasi dengan selamat. Sebagai pengguna, tentu mahu berjimat dan tidak dikenakan caj terlalu mahal' Muhd (2012). Kedua dua pernyataan ini jelas menunjukkan bahawa pengangkutan persendirian adalah lebih murah dan mampu untuk membawa pengguna ke destinasi yang dikehendaki dengan harga yang berpatutan.

Selain itu, pemandu teksi juga turut menipu penumpang dengan mengubahsuai meter tambang ketika pengguna sedang berhadapan dengan kos sara hidup semakin meningkat Utusan Online (2015). Hal ini juga membuatkan penumpang hilang kepercayaan untuk menggunakan

perkhimatan pengangkutan awan (teksi) dalam penipuan tentang harga yang melibatkan kos yang tinggi berbanding dengan pengangkutan persendirian kerana mereka mempunyai satu aplikasi yang membolehkan penumpang mahupun pengguna menyemak dahulu harga destinasi yang ingin dituju sebelum membuat perjanjian dengan pemandu persendirian ini untuk menaikki kenderaan tersebut tanpa mengeluarkan kos.

Akhir sekali, melalui tinjauan Sinar Online (2015) SPAD, memuat naikkan di laman web nya sebanyak 5,059 mendakwa perkhidmatan baru itu lebih murah dan 4,218 mendakwa ia memberi keselesaan, manakala 3,944 responden merasakan ia pengangkutan awam yang selamat. Ini menunjukkan bahawa walaupun harga yang ditawarkan oleh pengangkutan persendirian ini murah tetapi ianya memberi layanan ataupun perkhimatan pelanggan dengan baik dan penuh berhemah jika hendak dibandingkan dengan teksi awam yang mengenakan harga yang mahal tetapi layanan yang diberikan kadang kala tidak dan kurang memuaskan.

2.3 FAKTOR MASA

Faktor masa merupakan sebab mengapa pengangkutan persendirian menjadi pilihan berbanding perkhidmatan teksi. Ini juga terjadi kerana pada zaman globalisasi ini semua orang mahu sesuatu dengan cepat dan menghargai masa seperti pepatah dahulu “masa itu umpama emas”.

Dengan ini kita nampak kepentingan masa dalam kehidupan kita. Masa menjadi kepentingan dalam kehidupan kita kerana ia adalah segala-galanya untuk kita di dunia ini. Jika kita tidak menghargai masa, kehidupan kita akan

menjadi tidak tentu arah dan kucar-kacir dalam menempuhi kehidupan sebagai penghuni bumi. Di dalam Islam pun amat menitik beratkan pengurusan masa dalam kehidupan seseorang manusia itu. Di dalam kes ini, pertama kita tengok perbandingan dan pandangan masyarakat mengenai teksi dan pengangkutan persendirian.

Selain itu, kita tengok perbandingan dan pandangan masyarakat terhadap perkhidmatan bas pula. Perkhidmatan ini menjadi pilihan kerana ia menjimatkan masa berbanding kita menunggu bas di hentian yang disediakan. Ini kerana bas mempunyai masa yang tertentu untuk berada dikawasan tertentu. Menurut pensyarah University Tun Hussein Onn Malaysia, Haryati Shafii (2010) perubahan demografi melalui pertumbuhan semulajadi dan migrasi telah meningkatkan lagi permintaan terhadap pengangkutan bagi kemudahan untuk bergerak. Beliau juga menyatakan kemudahan pengangkutan awam yang terdapat di bandar-bandar besar umpamanya adakalanya tidak dapat memberikan perkhidmatan yang memuaskan dan maksimum kepada pengguna. Mutu perkhidmatan yang tidak memuaskan seperti jadual perjalanan yang tidak konsisten, bilangan penumpang yang terlalu ramai yang menimbulkan kesesakan dalam bas dan monorel, kekerapan perjalanan bas yang terlalu lama, tiada kemudahan penyaman udara, (sekiranya ada-alat tersebut rosak dan tidak berfungsi), tiada papan tanda pemberitahuan berkenaan jadual perjalanan bas yang seterusnya dan sebagainya. Ada kalanya pengguna cuba beralih kepada mod pengangkutan awam, tetapi perkhidmatan yang ditawarkan pula tidak memuaskan.

Oleh hal yang demikian, ini telah membuatkan pengguna lebih gemar untuk menggunakan perkhidmatan pengangkutan persendirian yang mana memberikan lebih keselesaan terhadap mereka. Tambahan lagi, pengguna tidak perlu untuk mengikut jadual seperti yang ditetapkan oleh pengangkutan

awam. Dengan adanya perkhidmatan pengangkutan persendirian ini, pengguna dapat menjimatkan masa mereka dan memudahkan mereka bergerak kemana sahaja mengikut jadual mereka sendiri.

2.4 FAKTOR KESELAMATAN

Dalam pemilihan mod pengangkutan oleh pelajar, mereka lebih memilih untuk menaiki pengangkutan yang cepat dan menjimatkan masa. Faktor keselamatan kurang diambil berat oleh pelajar kerana pelajar tidak peka dengan keselamatan diri mereka. Ia seumpama, budak sekolah menunggang motosikal tanpa mempunyai lesen. Ini kerana pelajar sekolah ingin cepat sampai ke sekolah dan mereka tidak berfikir tentang akibat yang bakal mereka hadapi. Situasi ini boleh dikaitkan dengan pelajar IPT yang kurang mementingkan faktor keselamatan dan sanggup mengambil risiko untuk menaiki pengangkutan persendirian atau lebih dikenali sebagai "prebet sapu". Keselamatan ialah satu daripada perkara penting yang perlu diberi perhatian serius dalam setiap perkara. Kesedaran dikalangan pelajar dalam aspek keselamatan ini adalah cukup penting dan perlu diketahui dan perlu dibuat kajian. Pelajar lebih selesa memilih pengangkutan persendirian sebagai perkhidmatan pengangkutan, yang sebenarnya tidak mengapa untuk menaiki pengangkutan persendirian tersebut cuma faktor keselamatan menaiki pengangkutan persendirian diragui kerana mereka mungkin bukan individu terlatih disamping tidak mempunyai kebenaran sebagai pengangkutan awam seperti bas dan teksi Sinar Harian (2012)

"Prebet sapu" juga dikenali sebagai teksi haram oleh kalangan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Pihak JPJ mengingatkan kepada orang ramai terutamanya kepada pelanggan tetap "prebet sapu" iaitu penuntut-penuntut